



JABATAN PEMBANGUNAN KEMAHIRAN

GARIS PANDUAN PELAKSANAAN LATIHAN INDUSTRI (LI) DAN INTERNSHIP DALAM SISTEM LATIHAN PROGRAM BERTAULIAH (SLaPB) SEPANJANG TEMPOH PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN (PKP)

1. PENGENALAN

Garis panduan ini disediakan sebagai panduan dan rujukan kepada Pusat Bertauliah (PB) awam dan swasta yang telah memulakan LI atau Internship melalui kaedah Sistem Latihan Program Bertauliah (SLaPB) sebelum Kerajaan mengumumkan pelaksanaan PKP ekoran penularan pandemik COVID-19. Disebabkan pelaksanaan PKP, terdapat pelajar yang mengalami kesukaran untuk menghabiskan tempoh LI atau Internship selepas syarikat/majikan mereka yang terpaksa menghadkan atau menghentikan operasi dan juga faktor kebimbangan pelajar terdedah kepada risiko dijangkiti COVID-19 sekiranya mereka meneruskan LI atau Internship .

Program yang terlibat adalah seperti berikut:

- i. Operasi Latihan Vokasional (I-031-3:2017) – *Internship VTO*

- ii. Diploma Kemahiran Malaysia (Tahap 4) - Latihan Industri (LI);
dan
- iii. Diploma Lanjutan Kemahiran Malaysia (Tahap 5) - Latihan Industri (LI);

2. OBJEKTIF

Objektif garis panduan ini adalah untuk memastikan :

- 2.1. Latihan Industri (LI) atau *Internship VTO* dapat dilaksanakan seperti yang dirancang dalam keadaan yang selamat;
- 2.2. Pengurusan PB dapat mengenalpasti dan merancang langkah pemulihan sepanjang tempoh PKP; dan
- 2.3. Ibu bapa / penjaga dapat bersama-sama mengambil tanggungjawab dalam memastikan kelangsungan LI atau *Internship VTO* pelatih walaupun tidak dapat menghadiri LI atau *Internship VTO*.

3. PELAKSANAAN LI BAGI PELATIH DIPLOMA KEMAHIRAN MALAYSIA (DKM) DAN DIPLOMA LANJUTAN KEMAHIRAN MALAYSIA (DLKM)

Latihan Industri (LI) semasa PKP telah dipertimbangkan oleh Jabatan dilaksanakan dalam tempoh 2 bulan (9 minggu) berbanding 3 bulan

sebelum ini. Berikut adalah syarat-syarat tambahan bagi pelaksanaan LI ini:

3.1. Pelatih yang telah hadir sekurang-kurangnya 80% daripada tempoh LI baru boleh dipertimbangkan untuk tidak melengkapkan baki latihan industri yang tertunggak. Walaubagaimanapun PB bertanggungjawab mempertimbangkan pendedahan minima industri yang perlu dilalui oleh pelatih dalam memenuhi hasil LI yang ditetapkan oleh JPK. Sekiranya pendedahan minima industri tidak dicapai sepanjang 80% kehadiran tersebut, pelatih mempunyai 2 pilihan iaitu :

- i. Melengkapkan dengan menyambung semula LI bagi mencukupkan tempoh LI selama 3 bulan sebaik sahaja tamat PKP; atau
- ii. Penggantian komponen LI dengan kaedah dan pendekatan lain dengan merujuk kepada perkara 3.4.

3.2. Pelatih yang tidak memenuhi 80% tetapi melebihi 40% kehadiran latihan industri hendaklah :

- i. Melengkapkan dengan menyambung semula LI bagi mencukupkan tempoh LI selama 3 bulan sebaik sahaja tamat PKP; atau
- ii. Penggantian komponen LI dengan kaedah dan pendekatan lain dengan merujuk kepada perkara 3.4.

- 3.3. Pelatih yang tidak memenuhi 40% kehadiran LI hendaklah menyambung semula latihan industri sama ada di syarikat yang sama atau memilih syarikat lain sekiranya terdapat permasalahan untuk menyambung LI di tempat yang sama. Pelatih hendaklah menyambung dan mencukupkan tempoh pelaksanaan keseluruhan LI selama 3 bulan selepas tamatnya PKP.
- 3.4. Pelatih yang dikehendaki menggantikan LI dengan kaedah atau alternatif lain yang bersesuaian perlulah melibatkan kerjasama industri dengan penyeliaan oleh pengamal industri (sebagai contoh projek berasaskan industri) bergantung kepada program NOSS.
- 3.4.1. Pelaksanaan projek berasaskan industri boleh merujuk kepada Panduan Pelaksanaan Projek Akhir Kaedah Pentauliahan Di Bawah Sistem Persijilan Kemahiran Malaysia.
- 3.4.2. Pelatih boleh membangunkan projek berasaskan industri dalam bentuk Projek Jenis Nyata atau Projek Jenis Kajian. Sekiranya Projek Jenis Nyata sukar dilakukan kerana PKP, dinasihatkan pelatih membangunkan Projek Jenis Kajian bergantung kepada kesesuaian program.

4. PELAKSANAAN INTERNSHIP 720 JAM BAGI PELATIH OPERASI LATIHAN VOKASIONAL (VTO)

Pelaksanaan *Internship VTO* semasa PKP telah dipertimbangkan oleh Jabatan dilaksanakan sekurang-kurangnya untuk tempoh 4 bulan (18 minggu) berbanding 6 bulan sebelum ini. Berikut adalah syarat-syarat tambahan bagi pelaksanaan *Internship VTO* ini:

- 4.1. Kehadiran pelatih hendaklah sekurang-kurangnya:
 - 4.1.1. 80% kehadiran latihan *Internship VTO* secara keseluruhan; dan
 - 4.1.2. 80% daripada tempoh jam mengajar (300 jam)
- 4.2. Bagi pelatih yang tidak memenuhi syarat perkara 4.1 hendaklah menyambung dan mencukupkan tempoh pelaksanaan keseluruhan *Internship VTO* selama 6 bulan selepas tamatnya PKP.

5. PENANGGUHAN LATIHAN INDUSTRI ATAU INTERNSHIP VTO

PB boleh membuat penangguhan LI atau *Internship VTO* pelatih dengan memaklumkan kepada JPK melalui surat rasmi PB dengan disertakan sekali borang *Senarai Semak Permohonan Pendaftaran Pelatih (JPK/PENDAFTARAN/01/P3)*. Permohonan ini bagi tujuan pindaan tarikh tamat latihan bagi kumpulan pelatih yang terlibat dapat dilakukan melalui sistem MySpike.

6. PENUTUP

Pertimbangan kelonggaran pelaksanaan Latihan Industri dan *Intership* VTO semasa PKP ini diharapkan dapat membantu PB awam dan swasta bagi memastikan proses latihan pelatih tidak terganggu dan semua yang terlibat berada dalam keadaan selamat.

Ketua Pengarah Pembangunan Kemahiran
Jabatan Pembangunan Kemahiran

Tarikh : 18 Mac 2020